



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA SEGERA SARAWAK HARI INI MEREKODKAN TUJUH (7) LAGI KES BAHARU POSITIF COVID-19**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Sarawak hari ini merekodkan tujuh **(7) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **334 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Semua 7 kes tersebut dirawat di Hospital Umum Sarawak.

Pada hari ini, sebanyak **81 kes baharu** *Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **2,340 kes**. Daripada jumlah itu, **1,774 kes** adalah negatif dan **232 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

## Statistik Kes PUI baharu mengikut Daerah.

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Kuching	53
2	Samarahan	9
3	Miri	7
4	Bintulu	6
5	Bau	1
6	Lundu	1
7	Serian	1
8	Sarikei	1
9	Meradong	1
10	Kapit	1
<b>JUMLAH</b>		<b>81</b>

**2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP**

Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **97.2%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **3 orang** di Sarawak kerana melanggar PKP dan **89 orang** telah dikompaun.

Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **169 orang** telah dikompaun, **556 orang** telah ditangkap dan **435 orang** telah dituduh di Mahkamah.

Berikut Adalah Jumlah Orang Yang Telah DiKompaun Harian Mengikut Daerah (sehingga 10.04.2020).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Kuching	33
2	Padawan	15
3	Sarikei	8
4	Bau	6
5	Betong	6
6	Kapit	5
7	Miri	3
8	Kota Samarahan	3
9	Saratok	3
10	Sibu	2
11	Sri Aman	2
12	Meradong	2
13	Kanowit	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>89</b>

Berikut Adalah Kes Tangkapan Harian Mengikut Daerah (sehingga 10.04.2020).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Kuching	1
2	Sibu	1
3	Song	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>3</b>

**3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI PUSAT KUARANTIN**

Pada hari ini terdapat penambahan seramai **137 orang** rakyat Sarawak yang tiba dari luar negara / Semenanjung / Sabah / Labuan menjadikan jumlah keseluruhan seramai **712 orang** yang telah ditempatkan di Pusat Kuarantin sebagai PUS (*Person Under Surveillance*) seperti berikut:

(Data sehingga 11.04.2020)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching	Hock Lee	107
2		Rajah Court Dormani	87
3		Kuching Park	78
4	Bintulu	Wasan Inn	16

5		Park City Everly	126
6	Miri	Mega	89
7		Somerset	45
8		Ostay Inn	11
9		Cosy Inn	11
10		Imperial Palace	63
11	Limbang	Purnama	79
<b>Jumlah PUS</b>			<b>712</b>

#### **4. OPERASI SEMASA PKP DAN NYAHCEMAR**

- i. Seramai 870 kakitangan pihak berkuasa tempatan terdiri daripada 316 Penguatkuasa, 390 kakitangan Unit Kesihatan Awam dan 164 kakitangan lain daripada pihak berkuasa tempatan di Sarawak sedang melaksanakan tugas sempena PKP. Terdapat 54,610 premis perniagaan dilesen oleh PBT di seluruh negeri Sarawak.
- ii. Manakala Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak mulai 30 Mac yang lalu sehingga tempoh PKP tamat akan melakukan operasi nyahcemar di lokasi yang telah dikenalpasti sebagai Zon Merah dan Zon Jingga. Sehingga hari ini bilangan operasi dan lokasi di Bahagian di Sarawak adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	53
2	Samarahan	8
3	Sri Aman	3
4	Betong	3
5	Sarikei	12
6	Sibu	3
7	Bintulu	4
8	Miri	29
9	Limbang	8
<b>Jumlah</b>		<b>123</b>

- iii. Secara kumulatif berikut adalah agensi yang terlibat dalam operasi nyahcemar sehingga 11 April 2020.

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>BILANGAN PETUGAS</b>
1	JBPM	916
2	PBT	570
3	KKM	265
4	APM	134
5	RELA	109
6	PDRM	80
7	Pejabat Daerah	35

8	Lain-Lain	44
<b>Jumlah</b>		<b>2,153</b>

## **5. KEPUTUSAN MESYUARAT HARIAN JPBN**

Hari ini Jawatankuasa Pengurusan Bencana bersetuju untuk membenarkan beberapa perkara seperti berikut:

- i. Sebelum ini semua syarikat atau kontraktor yang menyediakan perkhidmatan pembaikan dan penghantaran bekalan air serta elektrik telah dibenarkan. Perkara ini dianggap sebagai perkhidmatan perlu dan pihak Polis serta Tentera tidak akan menghalang tugas-tugas yang akan dilaksanakan oleh kontraktor tersebut.
  
- ii. Kita mengambil maklum akan arahan terbaharu dari Kerajaan Persekutuan berhubung beberapa sektor perniagaan yang dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKP ini. Walaubagaimanapun, Sarawak akan mengkaji senarai tersebut dan akan membuat keputusan berdasarkan keperluan di Sarawak.

## **6. RUMUSAN**

Walaupun YAB Perdana Menteri semalam telah mengumumkan pelanjutan tempoh PKP bermula 15 hingga 28 April lagi, keadaan keselamatan di Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP 97.2%. Saya menyeru agar rakyat Sarawak terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan demi mengekang penularan COVID-19 ini daripada terus merebak.

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA    PENGURUSAN    BENCANA    NEGERI**

**SARAWAK**

**11 APRIL 2020**

**4.30 PETANG**